

**SOALAN NO. 56****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 13 MAC 2018 [ SELASA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian kepada warga tua yang semakin meningkat dalam negara.

117

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan sokongan, sosial dan kebajikan kepada warga emas seperti :

**1) Bantuan Orang Tua**

Bantuan Orang Tua merupakan bantuan kewangan yang diberi kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas yang tidak mempunyai mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupannya dan jika mempunyai keluarga, keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidupnya. Bantuan ini bertujuan untuk menggalakkan warga emas supaya terus tinggal dalam komuniti. Bagi tahun 2017 KPWKM melalui JKJ telah menyalurkan Bantuan Orang Tua kepada **136,062** orang warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak

**RM488,700,714.00** iaitu 27.1 peratus daripada peruntukan keseluruhan Bantuan Kebajikan sehingga Disember 2017.

## **2) Rumah Seri Kenangan (RSK)**

Rumah Seri Kenangan disediakan kepada warga emas daif yang memerlukan penjagaan dan perlindungan demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Terdapat **9 buah** RSK di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2017, seramai **1,547** warga emas tinggal di RSK.

## **3) Rumah Ehsan (RE)**

Rumah Ehsan disediakan untuk warga emas yang sakit dan uzur bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Disember 2017, seramai **216** warga emas tinggal di Rumah Ehsan.

## **4) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**

Pusat Aktiviti Warga Emas merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi Kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan.

19

PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Kini sebanyak **59** PAWE telah diwujudkan di seluruh Malaysia.

Program di PAWE menekankan pada pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada komuniti setempat.

#### **5) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)**

Kementerian turut menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital/klinik melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE). Sehingga tahun 2017, terdapat sebanyak **9** buah kenderaan UPWE yang dikendalikan oleh NGO dengan geran tahunan sebuah UPWE sebanyak **RM35,000.00** setahun.

#### **6) *Respite Care***

*Respite Care* ialah perkhidmatan alternatif kepada waris/penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya

di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan. Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada warga emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan tempat tinggal di institusi.

Pada masa ini, perkhidmatan ini akan disediakan di Rumah Seri Kenangan (RSK), Cheras. RSK Cheras dipilih memandangkan lokasi RSK Cheras yang berhampiran kawasan pekerjaan, selain persekitaran yang sesuai untuk pelaksanaan perkhidmatan *Respite Care* ini.

#### **7) Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*)**

Kementerian juga telah melaksanakan program Khidmat Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sukarelawan yang akan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli barangan dapur, membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menatariaskan warga emas

121

seperti membersihkan diri, menyikat / mendandan rambut dan memotong kuku di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut. Hingga Disember 2017, terdapat seramai **2,402** sukarelawan yang telah memberi Khidmat Bantu di Rumah kepada seramai **6,614** warga emas dan **1,740** orang kurang upaya (OKU).

#### **8) *Beautiful Life For Seniors (BeLFoS)***

*Beautiful Life For Seniors (BeLFoS)* adalah inisiatif baharu di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah diumumkan melalui Mesyuarat NBOS Summit bertarih 23 Mac 2017 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Inisiatif ini juga telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 1 Oktober 2017 bersempena Perasmian Bulan Kebajikan Negara 2017.

Inisiatif ini diwujudkan bertujuan bagi memperkasa warga emas (berumur 60 tahun ke atas) untuk melayari hidup yang sejahtera dan lebih bermakna dengan memberikan akses kepada peluang-peluang pekerjaan, kesukarelawan, aktiviti kecergasan dan aktiviti sosial yang bersesuaian.

Terdapat Lima (5) bidang utama dalam inisiatif BeLFoS iaitu:

- i. Kesejahteraan Warga Emas;
- ii. Advokasi Kesihatan dan Kecergasan;
- iii. Kesukarelawan;
- iv. Pengurusan Kewangan dan Perkembangan Keusahawanan;  
dan
- v. Panduan Bekerja Semula

Selain menyediakan perkhidmatan ini, adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan tanggungjawab menjaga warga emas dan tanggungjawab setiap individu untuk persediaan hari tua akan meningkat dan seterusnya tidak bergantung pada kerajaan semata-mata.